

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

**E**sok umat Islam di Malaysia akan menyambut satu daripada dua hari kebesaran Islam iaitu Aidiladha. Ia mempunyai kelebihan tersendiri lebih-lebih lagi apabila berlangsung pada Zulhijah yang sangat diberkati Allah SWT.

Rasulullah SAW menyatakan kelebihan Zulhijah berbanding bulan lain menerusi hadis, mafhumnya: "Dua bulan yang tidak memiliki kekurangan adalah Ramadan dan Zulhijah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sebagaimana sedia dimaklumi Aidiladha atau dikenali juga dengan hari raya korban ini amat dekat dengan sejarah kehidupan Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS.

Perintah Allah agar Nabi Ibrahim mengorbankan anaknya yang amat dikasihi itu adalah satu gambaran jelas betapa perjuangan mencapai reda Allah memerlukan pengorbanan yang bukan kecil.

Allah menjelaskan perihal dua insan agung ini dalam al-Quran yang bermaksud: "Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: 'Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?'"

"Anaknya" menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya-Allah, ayah akan mendapati daku daripada golongan yang yang sabar." (Surah as-Saffat, ayat 102)

Apabila kita meneliti ayat al-Quran ini, semakin jelas kepada kita bahawa perjuangan untuk mendapat reda Allah menuntut diri agar mampu menempuhi cabaran yang amat memerlukan pengorbanan.

Satu persoalan yang perlu dilontarkan kepada diri kita sendiri,

# Nikmat kemenangan hasil pengorbanan

■ Bebaskan diri daripada larangan Allah perlukan kesungguhan



SEORANG budak Afghanistan bersama haiwan ternakannya untuk dikorbankan.

bagaimanakah dengan pengorbanan yang kita usahakan dalam mencapai keredaan Allah?

Ramai orang boleh mengesyorkan agar setiap daripada kita perlu mempunyai semangat berkorban untuk agama, bangsa dan negara. Namun, realitinya adakah kita benar-benar bersedia untuk berkorban demi mempertahankan Islam?

Hakikatnya, tidak semua orang

sanggup untuk berkorban jika semangat pengorbanan belum disemai di dalam sanubari kita semua.

Pengorbanan memerlukan kesabaran, keikhlasan, keberanian dan paling penting latihan berterusan.

Mungkin ada yang beranggapan bahawa semangat untuk berkorban akan hadir apabila cabaran dan ujian datang. Namun, mampukah kita pastikan hal itu benar-benar akan berlaku?

Semuanya berbalik kepada perediaan kita menghadapi setiap ujian dalam hidup dengan latihan dilalui. Cabaran dan ujian yang berjaya dilalui dengan sabar akan meningkatkan semangat pengorbanan di dalam diri.

Hal inilah sebenarnya yang dilalui oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail tatkala menerima ujian daripada Allah. Hati mereka bulat tanpa keraguan dalam melaksanakan perintah Allah.

Berdasarkan sejarah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail, banyak pengajaran yang kita peroleh berkenaan kepentingan dan keperluan berkorban dalam setiap perjuangan.

Tidak ada yang dinamakan perjuangan tanpa pengorbanan. Pastinya setiap daripada kita telah, sedang atau akan melalui saat diri berdepan dengan ujian dan cabaran.

Namun, tanpa semangat pengorbanan yang tinggi, kita tidak akan mampu merasai nikmat kemenangan.

Perjuangan membebaskan diri daripada perkara buruk dan mungkar juga memerlukan pengorbanan.

Berapa ramai dalam kalangan ki-

ta yang tersungkur di medan perjuangan membebaskan diri daripada perkara dilarang Allah?

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Apa sahaja yang aku larang terhadap kalian, maka jauhilah. Dan apa sahaja yang aku perintahkan kepada kamu, maka kerjakanlah semampu kamu." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Perlu menjadi ingatan, ibadah korban haiwan seperti lembu, kambing dan seumpamanya yang ditunaikan pada hari raya korban bukanlah satu adat ikut-ikutan yang dilaksanakan saban tahun.

Setiap daripada kita perlu menginsafi bahawa yang lebih utama ialah menanamkan jati diri agar tidak sukar untuk melakukan pengorbanan lebih-lebih lagi untuk kepentingan Islam yang kita yakini kebenarannya.

Firman-Nya bermaksud: "Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu..." (Surah al-Hajj, ayat 37)

**FAKTA**  
Pengorbanan memerlukan kesabaran, keikhlasan, keberanian dan paling penting latihan berterusan

Penulis pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)